

Publication	Berita Harian	Section /Page No.	Bisnes/ Pg. B2
Date	Fri, 22nd July 2016	Lead Article	No
Headline	IoTS Promosi Agenda Bumiputera		

IoTS promosi agenda Bumiputera

Agensi kerajaan yang terabit dalam mempromosikan agenda Bumiputera, terutama keusahawanan dan pekerjaan, perlu menggunakan Internet of Things (IoTs) untuk meringankan peranan mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata agensi yang menggariskan banyak program perlu memastikan rakyat mengetahui mengenai pelaksanaannya.

"Saya mahu agensi ini menumpukan kepada media sosial dan menggunakan bahasa yang mereka (rakyat) memahaminya, berinteraksi dan yakin, kerana kini ekosistem generasi muda adalah pada IoTs seperti Twitter, Instagram

dan Facebook," katanya kepada pemberita, semalam.

Rahman, yang bertanggungjawab bagi Unit Perancang Ekonomi, mengadakan lawatan sulung ke Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju), Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) dan Talent Corp Malaysia Bhd di di Petaling Jaya.

Luas liputan perkhidmatan

Katanya, wujud keperluan bagi agensi berkenaan untuk meluaskan liputan perkhidmatan mereka ke seluruh negara.

"Agensi tidak boleh memberi perkhidmatan kepada hanya sebahagian tempat sahaja di negara ini seperti di Lembah Klang dan negeri lebih maju kerana setiap orang berhak



Agensi yang menggariskan banyak program perlu memastikan rakyat mengetahui mengenai pelaksanaannya"

Abdul Rahman Dahlan,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri

untuk mencapai kejayaan," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Teraju, Datuk Husni Salleh, berkata setakat ini, agensi itu melancarkan 27 program dengan agensi kerajaan lain, syarikat berkaitan kerajaan dan sektor swasta.

"Secara keseluruhan, nilai sebanyak RM77 bilion diwujudkan, termasuk insentif diberikan kepada syarikat Bumiputera untuk melabur dan meluaskan kapasiti mereka.

"Lebih RM12 bilion nilai pelaburan diraih syarikat di bawah Teraju dan 12 syarikat berjaya disenaraikan di Bursa Malaysia menerusi Skim Jejak Jaya Bumiputera dengan kerjasama Ekuinas," katanya. **BERNAMA**